

17 AUG 2000

Mahathir-Merdeka

M'SIA BUKTIKAN IA BOLEH MEMERINTAH DAN BANGUNKAN NEGARA -- PM

KUALA LUMPUR, 17 Ogos (Bernama) -- Selama 43 tahun sejak merdeka, Malaysia telah membuktikan kebolehannya untuk memerintah dan membangunkan negara dengan begitu pesat sehingga menjadi negara membangun yang termaju di dunia pada hari ini, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata pencapaian itu bukanlah satu pencapaian yang mudah kerana Malaysia mempunyai banyak masalah yang mungkin boleh menyekat atau menghancurkan segala usaha yang menentukan Malaysia terus aman dan maju.

Ini lebih-lebih lagi memandangkan keadaan Malaysia yang mempunyai pelbagai kaum dan pelbagai agama serta budaya yang berlainan, kata beliau.

"Biasanya dalam negara yang mempunyai penduduk pelbagai kaum, biasa berlaku ketegangan hubungan bahkan, kerap-kali rusuhan malahan peperangan kaum berlaku.

"Tapi alhamdulillah, rakyat Malaysia bijak memilih sistem pentadbiran dan bijak mengawal nafsu mereka, sebaliknya mereka bersedia berkongsi segala-galanya," katanya semasa berucap merasmikan sambutan Bulan Kemerdekaan dan melancarkan kempen Jalur Gemilang di Dataran Merdeka di sini.

Dr Mahathir berkata mungkin ramai yang sudah lupa sejarah bagaimana negara ini dijajah selama 450 tahun oleh orang asing.

"Dan kita jadi satu bangsa yang terhina dan dikuasai oleh orang asing yang berpendapat bahawa kita tidak dapat memerintah negara kita sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata berkat sikap rakyat Malaysia yang sanggup berkongsi sumber kekayaan negara, maka negara dapat menentukan tidak ada ketegangan hubungan sebaliknya negara dapat dibangunkan dan dimakmurkan dalam keadaan yang aman.

Namun, katanya, tidak dapat dinafikan peristiwa 13 Mei 1969 telah menjadi satu pengajaran kepada rakyat.

"Dan daripada peristiwa ini, kita dapat membentuk dasar-dasar yang memberi pertimbangan kepada segala rintihan kaum-kaum yang ketinggalan," katanya.

Dr Mahathir berkata semua kaum di negara ini menerima hakikat pentingnya kekayaan diagihkan sama rata dan bersetuju kaum yang tertinggal dibangunkan manakala pada masa yang sama kerajaan tidak melucutkan harta kekayaan kaum yang maju.

"Sebaliknya kita memberikan kek ekonomi dan kita agihkan kepada semua pihak dengan memastikan mereka yang tertinggal mendapat bahagian yang lebih besar," katanya.

Perdana Menteri berkata apabila negara dilanda kegawatan ekonomi serta diserang oleh penyangak mata wang, tiada rusuhan kaum berlaku di negara ini seperti di negara lain.

"Tiada banyak negara asing yang menghadapi masalah yang sama dan berjaya membangunkan negara mereka. Sebab itu, kita boleh berbangga dengan pencapaian kita," katanya.

Dr Mahathir berkata dalam 43 tahun ini, Malaysia telah mencapai pencapaian yang luar biasa sehinggakan tempat seperti Kuala Lumpur yang pada 1957 mempunyai 300,000 penduduk kini mempunyai kira-kira 2 juta penduduk dan telah menjadi sebuah bandar raya yang terkenal di seluruh dunia.

Perdana Menteri berkata nama negara serta bendera Jalur Gemilang juga dikenali di seluruh dunia sehingga berjaya dipacakkan di Gunung Everest serta dibawa mengelilingi dunia menerusi pelayaran solo oleh Datuk Azhar Mansor.

"Jadi kita tidak lagi menjadi satu bangsa yang tidak dikenali. Tak ada lagi orang yang bertanya di mana Malaysia dan 'dari mana kamu datang.' Hari ini semua orang tahu di mana Malaysia dan apakah pencapaian Malaysia," katanya.

Perdana Menteri berkata pada hari ini ramai pemimpin dan pelawat yang datang ke negara ini tertarik dengan cara negara ini ditadbir dan dibangunkan serta kejayaan membangunkan hubungan kaum yang baik sehingga mereka ingin mencontohi kejayaan itu.

Beliau berkata semua rakyat harus bersyukur dan berterima kasih kepada mereka yang telah membangunkan negara ini selama ini yang terdiri daripada pihak kerajaan, swasta, tentera, polis dan rakyat jelata.

-- BERNAMA

RV ES NMO